

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
(KULIM BANDAR BAHARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.06.2015

Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kementerian Kewangan mengambil alih syarikat SRC International Sdn. Bhd. daripada 1MDB dan berapakah nilai dibayar untuk tujuan itu dan berapakah jumlah hutang ditanggung SRC International Sdn. Bhd. sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan (MOF) telah mengambil alih syarikat SRC International Sdn Bhd (SRC) daripada 1MDB pada 14 Februari 2012. Mekanisme pindah milik SRC daripada 1MDB kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan) dilaksanakan melalui '*dividen in specie*' oleh 1MDB yang membayar dividen kepada MOF dalam bentuk pegangan 100% saham ekuiti SRC berjumlah RM1 juta. Oleh hal yang demikian, MOF tidak membuat pembayaran tunai untuk pengambilalihan tersebut.

SRC akan mengemukakan liabiliti/hutang terkini setelah Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2015 diaudit. SRC tidak menanggung sebarang hutang tambahan sejak tarikh Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014.